

03/10/1997

Perairan negara perlu dipulihara: PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Perairan Malaysia yang kaya dengan biodiversiti perlu terus dipulihara demi mengekalkan sumber perikanan dan meningkatkan industri ekopelancongan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, usaha memulihara sumber biodiversiti yang menjadi aset berharga kepada negara boleh dilaksanakan menerusi perkongsian pintar di antara agensi kerajaan dan sektor swasta.

Menerusi pelbagai dasar yang dilaksanakan setakat ini, katanya, kerajaan amat menggalakkan konsep perkongsian pintar di antara kedua-dua pihak demi memulihara sumber perairan negara.

Beliau berkata, satu daripada usaha kerajaan menjayakan perkongsian pintar ialah dengan mewujudkan Tabung Amanah Taman Laut pada 1985 yang membolehkan sektor swasta memberikan sumbangan.

"Syarikat yang memberikan sumbangan kepada tabung ini pula diberikan insentif pengecualian cukai," katanya di majlis makan malam mengutip derma bagi mengisi Tabung Amanah Taman Laut di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud. Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Tabung Amanah Taman Laut bertujuan mendapatkan pembiayaan berterusan dalam usaha menjayakan program taman laut di negara ini. Di majlis itu, Dr Sulaiman menerima sumbangan RM250,000 daripada sektor swasta bagi tabung berkenaan.

Sejak 1994, 38 kawasan perairan negara diwartakan sebagai taman laut, manakala lima lagi sebagai kawasan larangan bagi kegiatan penangkapan ikan membabitkan 2,318 kilometer persegi.

Sehingga ini, lima pusat pelawat taman laut juga diwujudkan manakala dua lagi dijangka ditubuhkan pada akhir tahun depan.

Pusat itu turut berfungsi sebagai tempat mendapat maklumat dan membuat penyelidikan serta latihan berkaitan pemeliharaan taman laut.

"Dengan penubuhan pusat seumpama itu, kita mampu melindungi sumber perairan negara pada setiap masa," kata Dr Mahathir.

Beliau juga menjelaskan bahawa stok ikan di perairan negara makin meningkat sejak peraturan larangan menangkap ikan di sekitar taman laut, dikuatkuasakan.

Menurutnya, langkah mewujudkan taman laut terbukti menguntungkan nelayan kerana habitat ikan berjaya dilindungi.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, satu program pendidikan bagi meningkatkan kesedaran memulihara taman laut menerusi 'Kit Pendidikan Laut' (MEK) akan dilancarkan dengan kerjasama agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Seramai 360 guru sekolah rendah dan menengah seluruh negara akan diberikan latihan mengenai penggunaan 'kit' itu sebelum akhir tahun ini.

(END)